



KEMENTERIAN KERJA RAYA
MALAYSIA

KENYATAAN MEDIA

LAWATAN YB MENTERI KERJA RAYA KE LORONG MOTORSIKAL (FT02) DAN UPACARA PECAH TANAH PROJEK PEMBINAAN OVERHEAD BRIDGE DAN MENAIKTARAF SISTEM PERPARITAN DI LEBUHRAYA PERSEKUTUAN FT02

KUALA LUMPUR – Lebih 55,000 penunggang motosikal bakal menikmati perjalanan yang lebih selesa dengan pembinaan dua jejambat (*overhead bridge*) dan kerja-kerja naik taraf di lorong motosikal Lebuhraya Persekutuan yang menelan belanja RM29 juta.

Projek naik taraf ini adalah tanda keprihatinan YAB Perdana Menteri yang mengumumkan peruntukan sebanyak RM29 juta dalam Bajet 2017 pada Oktober tahun lalu.

Projek naik taraf di lorong motosikal ini akan bermula bulan ini dan dijangka siap pada April 2018.

Antara kerja-kerja naik taraf yang akan dilaksanakan adalah pembinaan dua buah jejambat (*overhead bridge*) di Jalan 222 dan bersebelahan, melebarkan jalan sedia ada kepada 3.0 meter (bergantung pada ruang yang ada), menambahbaik rekabentuk geometrik mengikut standard piawaian JKR, menambahbaik sistem perparitan dan pembentungan, menambahbaik jalan susur keluar masuk, menambahbaik rumah pam, naiktaraf sistem pencahayaan di dalam terowong, sebelum dan selepas terowong dan traffic Management Plan (TMP).

Dikeluarkan oleh:

Unit Komunikasi Korporat | Kementerian Kerja Raya Malaysia

☎ : 03- 8000 8000 / D.L :03-2771 4616 / 4627 | 📠 : 03-2711 1101

Laman Web : www.kkr.gov.my |  Kementerian Kerja Raya |  @MOWorks |  Pro@kk.gov.my

Kementerian Kerja Raya (KKR) sentiasa memantau dan komited dalam meningkatkan kemudahan lorong motosikal di Lebuhraya Persekutuan. Menteri Kerja Raya kerap kali turun padang untuk melihat sendiri keadaan semasa lorong motosikal. Tahun lalu pada 29 Ogos 2016, YB Dato' Sri Hj. Fadillah bin Hj. Yusof, bersama pihak Pengurusan Tertinggi Kementerian antaranya, YBhg. Dato' Sri Zohari bin Haji Akob, Ketua Setiausaha Kementerian Kerja Raya, YBhg. Dato' Sri Ir. Dr. Roslan bin Md Taha, Ketua Pengarah JKR Malaysia, telah mengadakan lawatan rasmi ke laluan lorong motosikal, Lebuhraya Persekutuan yang turut disertai rakan-rakan media dan Ahli kelab motosikal bagi mewakili orang awam.

Konsep turun padang ini juga adalah lanjutan daripada aduan yang diterima daripada orang awam selain daripada inisiatif Kementerian untuk mengenalpasti permasalahan yang berlaku dan langkah-langkah yang boleh diambil untuk menambahbaik lorong motosikal di Lebuhraya Persekutuan sepanjang 28.5km (sehala) ini.

Susulan daripada lawatan tersebut, YB Menteri Kerja Raya telah meluluskan peruntukan sebanyak RM500 ribu untuk melaksanakan kerja-kerja jangka masa pendek bagi meningkatkan tahap keselamatan lorong motorsikal di laluan ini. Kerja-kerja pembaikan dan naiktaraf aspek keselamatan ini telah dimulakan pada 15 September 2016 dan siap sepenuhnya pada 16 Disember 2016. Antara kerja-kerja naiktaraf yang dilaksanakan ialah mengecat garisan jalan, membaiki/menambah papan tanda, membaikpulih permukaan jalan, pemasangan 'road stud', membaiki penutup 'manhole', memasang penutup longkang, memasang penghadang jalan, memasang 'sticker' pemantul cahaya dan pemasangan 'fender' serta kerja-kerja elektrik.

Dikeluarkan oleh:

Unit Komunikasi Korporat | Kementerian Kerja Raya Malaysia

☎ : 03- 8000 8000 / D.L :03-2771 4616 / 4627 | 📠 : 03-2711 1101

Laman Web : www.kkr.gov.my |  Kementerian Kerja Raya |  @MOWorks |  Pro@kk.gov.my

Sejumlah 8.1km lorong motorsikal diselenggara oleh pihak Jabatan Kerja Raya (JKR) bermula daripada Pintu Gerbang Kota Darul Ehsan hingga ke kawasan Kelab Golf Negara Subang dan selebihnya di bawah selenggaraan pihak Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL), SPRINT dan PLUS.

Kementerian melihat pengadu awam sebagai rakan strategik yang bersama-sama mencari langkah yang terbaik dalam menyediakan kemudahan lorong motorsikal yang selesa dan selamat digunakan. Aduan positif boleh dibuat melalui aplikasi telefon, Aduan Jalan KKR, atau langsung ke akaun Twitter, Facebook, emel dan lain, supaya perkhidmatan yang lebih baik dapat disampaikan dan dipertingkatkan bagi tujuan keselesaan pengguna jalan raya amnya dan pengguna lorong motorsikal khususnya.

Berdasarkan Laporan Banci Lalulintas Kebangsaan 2015 purata sehari menggunakan laluan ini dari arah Klang-Kuala Lumpur adalah sebanyak 26,534 buah motorsikal manakala bagi laluan arah Kuala Lumpur-Klang ialah 28,724 buah motorsikal. Ini menunjukkan ramai penunggang motorsikal mendapat manfaat daripada projek naiktaraf ini.

Sebagai pengguna jalan raya adalah tanggungjawab bersama kita untuk memelihara kemudahan awam yang disediakan ini. Kementerian Kerja Raya amat mengutamakan kesejahteraan rakyat dan pandangan orang ramai yang membina dan positif amat dialu-alukan. Pengguna jalan raya dan pengguna laluan motorsikal adalah sebahagian daripada orang awam yang menjayakan kempen #zeropothole.

KEMENTERIAN KERJA RAYA
15 JUN 2017

Dikeluarkan oleh:

Unit Komunikasi Korporat | Kementerian Kerja Raya Malaysia

☎ : 03- 8000 8000 / D.L :03-2771 4616 / 4627 | 📠 : 03-2711 1101

Laman Web : www.kkr.gov.my |  Kementerian Kerja Raya |  @MOWorks |  Pro@kk.gov.my